

PICK khusus melindungi kanak-kanak

PROGRAM Imunisasi Covid-19 (PICK) untuk kanak-kanak adalah satu langkah kesihatan awam dan diperkenalkan untuk mengawal serta mencegah jangkitan selain sebagai komplimentari kepada rawatan sejak 3 Februari lalu.

Dr. Saidatul Norbaya berkata, sebanyak 98.7 peratus dewasa sudah menerima vaksin apabila program imunisasi ini bermula pada Mac 2020. Manakala 91.4 peratus remaja berusia 12 hingga 17 tahun sudah menerima vaksin.

“Jadinya golongan kanak-kanak belum terima vaksin adalah mereka yang berusia 5 hingga 11 tahun. Mereka yang mendapat vaksinasi tidak semestinya tidak akan dapat jangkitan khususnya kanak-kanak yang baru dapat satu dos kerana mereka masih terdedah kepada jangkitan Covid-19,” katanya.

Sejak 3 Februari sehingga 13 Mac, seramai 1.15 juta kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun menerima dos pertama iaitu merangkumi 32 peratus kanak-kanak di Malaysia. Masih ada lagi 68 peratus kanak-kanak belum tampil untuk mendapatkan vaksin.



KANAK-KANAK perlu diberi vaksin bagi mengelakkan mereka daripada menanggung kesan buruk sehingga membawa maut kerana tidak menerimanya.

“

Sejak 3 Februari sehingga 13 Mac, seramai 1.15 juta kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun menerima dos pertama iaitu merangkumi 32 peratus kanak-kanak di Malaysia.”

‘Kita bukan bahan eksperimen, tikus ujian’

KANAK-KANAK perlu diberi vaksin bagi mengelakkan mereka menanggung kesan buruk sehingga membawa maut kerana tidak menerima vaksin.

Datuk Dr. Musa berkata, risiko maut akibat covid 40 kali ganda bagi individu tidak divaksin. Di Amerika Syarikat, banyak penolak vaksin. Risiko mereka meninggal dunia

protein untuk *covid spike* protein. Hanya cara diberikan berbeza.

“MRNA dimasukkan ke dalam selaput nanopartikel yang bila dicucuk hanya masuk ke dalam ruang di luar nukleus. Kemudian MRNA yang mengeluarkan *spike protein* pergi ke salur darah dan merangsang badan kita untuk mengeluarkan

Jumlah kanak-kanak menerima vaksin paling tinggi adalah di Lembah Klang tetapi jumlah



yang rendah di beberapa negeri adalah rendah seperti di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Kedah.

“KKM sudah meluluskan Coronav sebagai vaksin kedua untuk kanak-kanak. Semakin hari makin bimbang apabila jumlah kes mencecah antara 12,000 hingga 20,000 sehari. Ibu bapa boleh memohon untuk mendapatkan suntikan vaksin ini.

“Malah sedang mendapatkan lebih ramai ibu bapa menerusi kerjasama dengan pemegang taruh kesihatan, sosial dan agama untuk meningkatkan capaian vaksinasi dalam kalangan kanak-kanak,” katanya.

akibat Covid-19 adalah 100 kali ganda.

“Vaksin Pengutus RNA (MRNA) amat berkesan dan sudah menyelamatkan jutaan nyawa. Jadi, jangan risau kerana kita bukan lagi bahan eksperimen. Kita bukan lagi tikus ujian. Kita sudah melepasi,” katanya.

MRNA tidak menggunakan teknologi baharu, sebaliknya sudah ditemui sejak 1960. Kini, sudah ada sembilan vaksin MRNA dalam kajian. Sebelum ini MRNA pernah digunakan dalam penghasilan vaksin Influenza, zika, nipah dan HIV tetapi Covid sudah dapat dianjak dengan begitu pantas disebabkan pelaburan berbilion ringgit bagi menyelamatkan jiwa dan nyawa manusia.

“Teknologi ini seperti teknologi hepatitis B, teknologi influenza dan teknologi vaksin kanser pangkal rahim (HPV) iaitu ia memberi badan kita sub unit

antibodi,” katanya.

Kajian menunjukkan kaedah MRNA paling berkesan berbanding vaksin lain. Hingga kini 4 bilion dos sudah digunakan di seluruh dunia.

Hanya dua kesan sampingan yang besar iaitu setengah jam pertama, mungkin berlaku *anafilaksis* (alahan teruk) atau selepas suntikan, penerima mungkin mengalami tidak sedar, tekanan darah turun dan memerlukan bantuan pernafasan (CPR).

“Namun ia jarang berlaku iaitu hanya dua dalam sejuta. Kesan kedua pula adalah radang jantung yang juga berlaku satu dalam satu juta penerima vaksin.

“Kalau kena Covid-19, risiko untuk dapat serangan jantung adalah 40 kali ganda. Kalau anak kena MISC, risiko untuk kena serangan radang otot jantung atau myocarditis adalah antara 75 hingga 100 peratus,” katanya.